

AmG Insurance Berhad (803512-W)
Penanggung insurans berlesen. Ahli Kumpulan AmBank.

Ibu Pejabat: 13A Floor, Bangunan AmAssurance, No.1, Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur.
Alamat Pos: GPO Box 10956, 50730 Kuala Lumpur, Malaysia.
Talian Umum: +603 4047 8000 Talian Faks Umum: +603 4043 8680
Laman Web: <https://www.amassurance.com.my>



AmAssurance

Utamakan Khidmat. Janji Kami.

Pusat Perkhidmatan Pelanggan

Hubungi **1 300 80 3030**
pada kadar tempatan

+603 2171 3030

amassurance-general@ambankgroup.com

Taip **AmG<jarak>mesej**
Hantar ke 33911 (**AmAlert**)

AmBEAUTY PERSONAL ACCIDENT

**DUTI SETEM
DIBAYAR**

Barang cadangan, sebarang pengakuan dan maklumat lain yang diberikan adalah menjadi asas kepada kontrak ini.

Setelah menerima bayaran premium pertama dari anda dan sebarang bayaran premium selanjutnya, **AmG Insurance Berhad** akan memberi perlindungan kepada pemegang polisi dari mengalami kecederaan tubuh yang disebabkan oleh kemalangan sebagaimana ditakrifkan pada polisi and tertakluk kepada terma proviso pengecualian and syarat yang termaktub pada Polisi.

PERLINDUNGAN – HAD KAWASAN SELURUH DUNIA

SEKSYEN 1

- | | | | |
|-------------|--|---|---|
| Manfaat 1 - | Kematian Akibat Kemalangan (berlaku dalam masa dua belas (12) bulan dari Kemalangan) | : | Skala pampasan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat untuk Kematian Akibat Kemalangan |
| Manfaat 2 - | Hilang Upaya Kekal (berlaku dalam masa dua belas (12) bulan dari Kemalangan) | : | Skala pampasan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat untuk Hilang Upaya Kekal |

SEKSYEN 2

- | | | | |
|-------------|-------------------------------|---|---|
| Manfaat 1 - | Pembedahan Muka dan Pergigian | : | Pembayaran balik untuk setiap perbelanjaan yang ditanggung bagi setiap kemalangan dalam masa 30 hari untuk apa-apa pembedahan pembentukan semula muka (leher dan ke atas) dan pergigian dalam tempoh 24 jam akibat kecederaan kepada gigi semulajadi yang disebabkan kemalangan. Had maksimum di bawah Manfaat ini seperti dinyatakan didalam Jadual Manfaat. |
| Manfaat 2 - | Ragut/Pengeluaran Wang ATM | : | Bayaran sekaligus sebagai pampasan untuk kerugian yang dialami Orang Yang Diinsurankan akibat Jenayah Ragut / Pengeluaran Wang ATM dengan pemerasan yang dihadkan kepada sekali dalam setahun. |
| Manfaat 3 - | Faedah Hospital | : | Elaun tunai harian mengikut jumlah yang ditetapkan seperti di Jadual Manfaat akan dibayar jika pemegang polisi dimasukkan ke hospital melebihi tempoh 24 jam untuk tempoh maksimum selama 7 hari |
| | (a) Elaun Hospital | : | Jika Orang Yang Diinsurankan dimasukkan di Hospital Kerajaan, elaun tunai harian boleh dibayar sehingga maksimum 12 hari. |
| | (b) Elaun Pemulihan | : | Elaun Tunai sebanyak 10% daripada Had Manfaat sehari bagi pelan yang dibeli adalah dibayar untuk pemulihan daripada satu kemalangan dalam masa 31 hari sebaik sahaja selepas dibenarkan keluar dari hospital dan tertakluk kepada kemasukan ke hospital untuk suatu tempoh minimum 7 hari berturut-turut. |
| | (c) Bayaran Ambulan | : | Had RM800 untuk bayaran yuran ambulans yang ditanggung jika berlakunya kemalangan |
| | (d) Perbelanjaan Pengebumian | : | Bayaran sekaligus RM 3,000.00 akan dibayar jika berlakunya Kematian Akibat Kemalangan |

SEKSYEN 3

- Manfaat 1 - Khidmat Negara : Pembayaran balik untuk setiap perbelanjaan perubatan jika Orang Yang Diinsuranskan mengalami kecederaan tubuh dalam suatu kemalangan semasa menjalankan tugas dalam Khidmat Negara. Had maksimum di bawah Manfaat ini seperti dinyatakan didalam Jadual Manfaat.
- Manfaat 2 - Sukan/Pengembaraan : Pembayaran balik untuk setiap perbelanjaan perubatan jika Orang Yang Diinsuranskan mengalami kecederaan tubuh dalam suatu kemalangan semasa melibatkan diri dalam apa-apa sukan atau pengembaraan aktiviti yang tidak dikecualikan dalam Polisi. Had maksimum di bawah Manfaat ini seperti dinyatakan didalam Jadual Manfaat.
- Manfaat 3 - Penjagaan Anak : Pembayaran balik untuk setiap perbelanjaan sebenar yang ditanggung semasa terlibat dalam Penjagaan kanak-kanak / Pengasuhan Anak jika Orang Yang Diinsuranskan terlibat dalam suatu kemalangan dan mengakibatkan hilang upaya kekal/ sementara. Had maksimum di bawah Manfaat ini seperti dinyatakan didalam Jadual Manfaat.
- Manfaat 4 - Khidmat Pembantu Rumah : Pembayaran balik untuk setiap perbelanjaan yang ditanggung bagi perkhidmatan pembantu rumah/penjagaan rumah jika Orang Yang Diinsuranskan terlibat dalam suatu kemalangan dan sebagai akibatnya menderitai hilang upaya sementara/kekal akibat kemalangan. Had maksimum di bawah Manfaat ini seperti dinyatakan didalam Jadual Manfaat.
- Manfaat 5 - Cuti Pemulihan : Elaun tunai harian sehingga RM100 sehari tertakluk kepada had manfaat maksimum jika Orang Yang Diinsuranskan menghabiskan manfaat cuti dalam pekerjaannya akibat kecederaan tubuh yang disebabkan kemalangan. Had maksimum di bawah Manfaat ini seperti dinyatakan didalam Jadual Manfaat.
- Manfaat 6 - Peralatan Perubatan : Pembayaran balik untuk setiap perbelanjaan membeli Peralatan Perubatan dan mesti dibuktikan sebagai keperluan dari segi perubatan akibat kecederaan tubuh yang disebabkan kemalangan. Had maksimum di bawah Manfaat ini seperti dinyatakan didalam Jadual Manfaat.
- Manfaat 7 - Penjagaan Kejururawatan : Pembayaran balik untuk setiap perbelanjaan rawatan susulan pesakit luar akibat kecederaan tubuh yang disebabkan kemalangan. Had maksimum di bawah Manfaat ini seperti dinyatakan didalam Jadual Manfaat.

NOTA * Had manfaat keseluruhan dalam Seksyen 2 dan 3 tidak boleh melebihi had manfaat hidup yang ditunjukkan dalam Jadual Manfaat menurut skim terpilih yang diperincikan dalam Jadual Manfaat.

DEFINISI AM

KEMALANGAN

Suatu kejadian tertentu yang terjadi secara tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak diduga, luar biasa yang berlaku pada suatu masa yang tidak dijangka dan tempat yang tidak boleh dikenalpasti dan merupakan satu-satunya punca yang menyebabkan kecederaan tubuh tersebut dan hendaklah bebas daripada sebab-sebab lain.

AKTIVITI KEHIDUPAN HARIAN membawa maksud:

- (a) Berpindah atau Bergerak - keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke satu bilik yang lain atau baring/duduk di atau bangkit dari katil atau kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal orang lain.
- (b) Pengawalan - keupayaan untuk mengawal pembuangan air besar dan kecil secara voluntari untuk mengekalkan kebersihan diri.
- (c) Berpakaian - keupayaan untuk memakai dan menanggalkan semua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain.
- (d) Penggunaan Bilik Air - keupayaan untuk memasuki dan keluar dari bilik air, menggunakan bilik air dan penjagaan kebersihan peribadi yang berkaitan.
- (e) Makan - semua usaha untuk memasukkan makanan yang telah disediakan ke dalam tubuh.

UMUR

Umur pada harijadi akan datang

KECEDERAAN TUBUH

Kecederaan tubuh yang diakibatkan secara tunggal dan langsung daripada keganasan, kemalangan, cara luaran dan nyata dan tidak termasuk kesakitan, penyakit atau mana-mana keadaan yang berlaku secara semula jadi atau penyakit degeneratif.

PAKAR BEDAH KOSMETIK

Seseorang yang berlesen atau berdaftar secara sah untuk mengamalkan pembedahan kosmetik di kawasan geografi di tempat perkhidmatannya disediakan, tetapi tidak termasuk pakar perubatan atau pakar bedah yang merupakan Orang Yang Diinsuranskan itu sendiri

DOKTOR GIGI

Seseorang yang berlesen atau berdaftar secara sah untuk mengamalkan rawatan pergigian di kawasan geografi di tempat perkhidmatannya disediakan, tetapi tidak termasuk pakar perubatan atau pakar bedah yang merupakan Orang Yang Diinsuranskan itu sendiri.

DOKTOR atau PAKAR PERUBATAN atau PAKAR BEDAH

Seorang pengamal perubatan yang berdaftar, bertauliah dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat dan menyediakan rawatan sedemikian, dia mengamalkannya dalam skop perlesenan dan latihannya di kawasan geografi amalan, tetapi tidak termasuk doktor, pengamal perubatan atau pakar bedah yang merupakan Orang Yang Diinsuranskan itu sendiri.

TARIKH BERKUATKUASA

Tarikh yang dinyatakan di dalam Jadual apabila Insurans di bawah Polisi ini bermula.

ENDORSMEN

Bukti bertulis berkenaan dengan penukaran pada Polisi Anda yang telah dipersetujui

HOSPITAL hendaklah hanya bermaksud suatu penubuhan yang telah ditubuhkan dan didaftarkan secara sah sebagai sebuah hospital bagi penjagaan dan rawatan orang yang tercedera sebagai pesakit di katil yang membayar, dan yang:-

- (a) mempunyai kemudahan bagi diagnosis dan pembedahan besar,
- (b) menyediakan perkhidmatan kejururawatan 24 jam sehari oleh jururawat-jururawat berdaftar dan bergraduan,
- (c) di bawah penyeliaan seorang Pengamal Perubatan, dan
- (d) bukan secara asasnya sebuah klinik; sebuah tempat untuk para penagih alkohol atau penagih dadah; rawatan, berehat atau rumah pemulihan atau rumah orang-orang tua atau yang serupa dengannya

KEMASUKAN HOSPITAL

Kemasukan ke sebuah hospital sebagai pesakit dalam berdaftar untuk mendapatkan rawatan Keperluan Dari Segi Perubatan bagi suatu Hilang Upaya yang dilindungi menurut cadangan seorang pengamal perubatan. Seorang pesakit tidak akan dianggap sebagai seorang pesakit dalam jika pesakit berkenaan tidak tinggal secara fizikal di dalam hospital sepanjang tempoh pengurangan.

PENGINSURANS/SYARIKAT/KAMI/KITA

AmG Insurance Berhad

ORANG YANG DIINSURANSKAN/ORANG YANG DIINSURANSKAN/ANDA/KEPUNYAAN ANDA/ DIRI ANDA SENDIRI

Orang yang dinamakan sebagai Orang Yang Diinsuranskan di dalam Jadual, yang bermastautin secara tetap di Malaysia.

MANFAAT HIDUP hendaklah bermaksud manfaat-manfaat yang boleh dibayar di bawah perlindungan Seksyen 2 dan Seksyen 3 mengikut Perkataan Polisi.

HOSPITAL KERAJAAN MALAYSIA hendaklah bermaksud sebuah hospital yang caj perkhidmatannya adalah tertakluk kepada Akta Yuran 1951 Peraturan Yuran-yuran (Perubatan) 1982 dan/atau pindaan berikutnya jika ada.

KEPERLUAN DARI SEGI PERUBATAN hendaklah bermaksud perkhidmatan perubatan yang :-

- (a) konsisten dengan diagnosis dan rawatan perubatan lazim bagi sesuatu Hilang Upaya yang dilindungi, dan
- (b) mematuhi standard amalan perubatan baik, konsisten dengan penjagaan perubatan profesional standard yang terkini, dan manfaat perubatan yang terbukti, dan
- (c) bukan bagi kemudahan Orang Yang Diinsuranskan atau Pengamal Perubatan itu, dan tidak dapat disediakan secara munasabah di luar hospital (jika dimasukkan ke hospital sebagai pesakit dalam), dan
- (a) bukan bersifat eksperimen, penyiasatan atau penyelidikan, bersifat pencegahan atau pengesanan yang caj-cajnya adalah wajar dan munasabah dan bersifat lazim bagi Hilang Upaya itu.

PENGAMAL PERUBATAN

Seorang pengamal perubatan yang bertauliah dan sah dari segi undang-undang selain daripada diri Anda sendiri atau Ahli Keluarga Rapat Anda.

PEKERJAAN

Pekerjaan Orang Yang Diinsuranskan secara sepenuh masa dan/atau sambilan yang mendatangkan keuntungan dan/atau apa-apa pekerjaan lain untuk mendapatkan gaji atau keuntungan dan Orang Yang Diinsuranskan sesuai melakukannya dengan pengetahuannya dan/atau latihan yang diberikan.

PESAKIT LUAR

Orang Yang Diinsuranskan sedang menerima rawatan perubatan atau rawatan tanpa perlu dimasukkan ke hospital dan termasuklah rawatan di sebuah pusat Jagaan Harian.

PEMEGANG POLISI/ PEMILIK POLISI hendaklah bermaksud seseorang atau badan korporat yang mana Polisi ini telah dikeluarkan berkenaan dengan perlindungan bagi orang yang dikenalpasti secara khusus sebagai Orang Yang Diinsuranskan di dalam Polisi ini.

CAJ-CAJ MUNASABAH DAN LAZIM

Penjagaan perubatan yang diperlu dari segi perubatan hendaklah dianggap munasabah dan lazim ke tahap ianya tidak melebihi paras am bagi caj-caj yang dikenakan oleh pihak lain yang sama status di kawasan itu dan caj adalah dikenakan, apabila menyediakan rawatan, perkhidmatan atau pembekalan yang serupa atau setanding dengannya, kepada individu yang sama jantina dan daripada usia yang sepadan bagi kecederaan yang serupa dan menurut standard dan amalan perubatan yang boleh diterima dan tidak akan ditinggalkan tanpa memberi kesan buruk kepada keadaan perubatan Orang Yang Diinsuranskan.

PEMBAHARUAN ATAU POLISI DIPERBAHARUI hendaklah bermaksud suatu Polisi yang telah diperbaharui tanpa sebarang luput masa apabila tiba tempoh tamat Polisi yang berikutnya dengan kandungan yang sama.

PENYERTAAN YANG SELAMAT DAN NORMAL hendaklah bermaksud seperti berikut :-

- (a) Orang Yang Diinsuranskan adalah sihat dan berkemampuan untuk mengambil bahagian;
- (b) Orang Yang Diinsuranskan mengambil makluman akan amaran-amaran bahaya tempatan atau cuaca buruk;
- (c) Orang Yang Diinsuranskan mengambil bahagian di kawasan-kawasan selamat dan/atau kawasan-kawasan yang dilindungi oleh kemudahan penyelamat;
- (d) Orang Yang Diinsuranskan memiliki kelayakan atau lesen yang diperlukan jika ianya diperlukan ketika mengambil bahagian; dan
- (e) Orang Yang Diinsuranskan memakai segala pakaian perlindungan dan penutup kepala dan mematuhi prosedur keselamatan normal bagi sukan atau aktiviti tersebut. Dalam apa-apa keadaan, Orang Yang Diinsuranskan diharuskan memakai topi keledar keras apabila terdedah kepada bahan dilempar, atau apabila mengenderai kenderaan atau haiwan, atau apabila mengadakan perjalanan pada kelajuan yang tinggi, atau aktiviti-aktiviti udara, dan harus memakai peralatan pengapungan diri untuk sukan di permukaan air. Setiap penyelam mestilah ditemani oleh seorang Pelatih Selam berkelayakan, melainkan dalam keadaan diri mereka sendiri adalah layak untuk menyelam tanpa seorang Pelatih. Dalam keadaan ini, penyelaman mestilah berteman atau berkaedah 'pasangan berteman'

Selain daripada itu, perlindungan bagi penyertaan yang selamat dan normal telah disediakan untuk keadaan-keadaan asas tertentu bagi aktiviti-aktiviti individu seperti yang ditunjukkan di bawah:-

- (a) Orang Yang Diinsuranskan adalah ditemani oleh, atau boleh dicapai oleh, seorang pelatih atau pemandu berkelayakan yang berpengalaman dan yang bersesuaian.
- (b) Orang Yang Diinsuranskan adalah diselia secara wajar, mengambil bahagian di dalam acara, pertandingan, permainan, sesi atau aktiviti luar yang terancang.
- (c) Orang Yang Diinsuranskan menggunakan kemudahan semula jadi atau binaan bertujuan yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa kebangsaan.

JADUAL

Jadual yang dilampirkan bersama-sama polisi ini yang membentuk sebahagian daripada polisi.

SKIM/GAYA HIDUP TERPILIH

Terdapat dua pelan- Emas Gold dan Perak Silver dengan empat jenis pilihan manfaat hidup yang berlainan, yang mencerminkan pilihan gaya hidup yang dipilih oleh Orang Yang Diinsuranskan. Pilihan gaya hidup yang ditawarkan adalah Active Girl, Homemaker, Career Woman atau Golden Girl.

PAKAR hendaklah bermaksud seorang pengamal perubatan atau pergigian yang berdaftar dan berlesen di dalam kawasan geografi amalannya di tempat rawatan dijalankan dan seseorang yang diklasifikasikan oleh pihak berkuasa kesihatan yang sewajarnya sebagai seorang yang mempunyai kepakaran unggul dan istimewa di dalam bidang perubatan atau pergigian tertentu, tetapi tidak termasuk pengamal perubatan atau pakar bedah yang merupakan Orang Yang Diinsuranskan itu sendiri.

JUMLAH YANG DIINSURANSKAN

Bermaksud had liabiliti kami di bawah insurans ini.

HILANG UPAYA SEPARA SECARA SEMENTARA hendaklah bermaksud suatu keadaan tidak kemampuan akibat daripada Orang Yang Diinsuranskan mengalami Kecederaan Tubuh yang secara semmentaranya menghalang Orang Yang Diinsuranskan daripada mengambil sebahagian besar dalam Pekerjaannya.

HURAIAN MANFAAT

KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN

Kematian akibat Kecederaan Tubuh.

HILANG UPAYA KEKAL

Hilang upaya kekal seperti ditetapkan di dalam Jadual Manfaat.

HILANG UPAYA KEKAL KESELURUHAN

Satu keadaan ketidakmampuan yang disebabkan oleh kecederaan tubuh Orang Yang Diinsuranskan yang mengakibatkan hilang upaya kekal dan menyeluruh pada diri daripada melakukan pekerjaan berfaedah dari mana-mana dan apa-apa jenis sekalipun. Ini termasuklah Orang Yang Diinsuranskan kekal terlantar di katil dan lumpuh keseluruhannya.

PEMBEDAHAN MUKA DAN PERGIGIAN

Pembayaran balik Caj-caj Munasabah dan Lazim yang dikenakan oleh seorang pakar bedah kosmetik yang berdaftar secara sah atau klinik atau hospital dalam masa 30 hari dari Kemalangan bagi rawatan pembedahan pembentukan semula muka yang diakibatkan oleh suatu kemalangan yang menyebabkan hilang upaya kekal/sementara (termasuklah serangan berasid) dengan syarat pembedahan pembetulan sedemikian telah disarankan oleh seorang pakar bedah kosmetik berlesen. Pembedahan pembentukan semula muka ini meliputi muka (leher dan ke atas). Rawatan susulan oleh pakar bedah yang sama atau klinik atau Hospital berdaftar yang sama bagi kecederaan kemalangan akan disediakan sehingga tempoh yang telah ditetapkan di dalam Jadual Manfaat dan tertakluk kepada had manfaat yang ditetapkan di dalam Jadual Manfaat. Manfaat ini tidak akan dibayar bagi kerugian kemalangan yang diakibatkan oleh pembedahan muka yang sengaja dilakukan.

Pembayaran balik Caj-caj Munasabah dan Lazim yang dikenakan oleh seorang pakar pergigian yang berdaftar secara sah atau klinik pergigian atau hospital dalam masa 24 jam dari Kemalangan bagi kecederaan kemalangan ke atas gigi asli asas. Perkhidmatan pembentukan semula, periodontal, ortodontal dan prostodontal adalah tidak dilindungi. Rawatan susulan oleh pakar pergigian yang sama atau klinik atau Hospital berdaftar yang sama bagi kecederaan kemalangan yang serupa ke atas gigi semula jadi asas akan disediakan sehingga tempoh yang ditetapkan di dalam Jadual Manfaat dan tertakluk kepada had manfaat yang ditetapkan di dalam Jadual Manfaat.

JENAYAH RAGUT/PENGLUARAN WANG ATM

Bayaran penuh sebagai suatu pampasan bagi kerugian yang dialami oleh Orang Yang Diinsuranskan akibat daripada:

- a. Jenayah Ragut / pengeluaran wang ATM dengan cara kekerasan fizikal kepada Orang Yang Diinsuranskan.
- b. Pengeluaran wang ATM dengan cara pemerasan yang terjadi pada jam pertama pengeluaran tersebut dan Orang Yang Diinsuranskan dikehendaki untuk menyatakan bukti pengeluaran tersebut. Had maksimum bagi pembayaran sekaligus adalah seperti dinyatakan di dalam Jadual Manfaat. Manfaat ini adalah terhad kepada satu kejadian sahaja dalam setahun. Ketika membuat tuntutan, laporan polis diperlukan termasuk bukti pemerasan dan ancaman kekerasan fizikal kepada Orang Yang Diinsuranskan.

Manfaat ini tidak akan membayar apa jua kos berkaitan rawatan bagi trauma emosi terhadap Orang Yang Diinsuranskan.

PENDAPATAN HOSPITAL

Elaun tunai harian seperti yang telah ditetapkan di dalam Jadual Manfaat akan dibayar sehingga maksimum tujuh (7) hari bagi setiap kejadian, sekiranya Orang Yang Diinsuranskan telah dimasukkan ke hospital selama lebih daripada 24 jam. Jika Orang Yang Diinsuranskan telah dimasukkan ke sebuah Hospital Kerajaan, maka elaun tunai harian akan dibayar sehingga maksimum dua belas (12) hari. Manfaat ini boleh dibayar tanpa mengambil kira pelan-pelan Pendapatan Hospital lain yang telah dibeli oleh pemegang polisi.

ELAUN PEMULIHAN

Pembayaran balik sebanyak 10% daripada had manfaat sehari sehingga had manfaat maksimum seperti yang telah dinyatakan di dalam Jadual Manfaat bagi pemulihan daripada kemalangan dalam masa 31 hari sebaik sahaja setelah keluar dari hospital bagi mana-mana satu kemalangan. Elaun-elaun ini boleh dibayar bagi rawatan pesakit luar dan hanya boleh dibayar sekiranya Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital selama tempoh minimum tujuh (7) hari berturut-turut.

YURAN AMBULANS

Pembayaran balik Caj-caj Munasabah dan Lazim yang dikenakan untuk perkhidmatan ambulans domestik yang perlu termasuk atendan ke dan/atau dari Hospital bagi pengurangan di hospital dengan syarat bahawa yuran sedemikian adalah dikenakan oleh kerana suatu kemalangan yang dialami oleh Orang Yang Diinsuranskan. Had maksimum dibawah Manfaat ini ialah RM800.00

PERBELANJAAN PENGEBUMIAN

Bayaran penuh seperti yang diperincikan di dalam Jadual Manfaat (yakni RM 3000) bagi kehilangan nyawa Orang Yang Diinsuranskan akibat daripada suatu kemalangan.

KHIDMAT NEGARA

Pembayaran balik caj-caj harian Munasabah dan Lazim yang dikenakan oleh pengamal perubatan atau klinik atau hospital berdaftar bagi rawatan kecederaan kemalangan yang berlaku ketika Orang Yang Diinsuranskan sedang berkhidmat sebagai seorang pelatih Khidmat Negara. Manfaat ini akan melindungi Orang Yang Diinsuranskan mengikut tarikh yang telah dinyatakan di dalam notis pelantikan dan tamat apabila pelatih berkenaan telah melengkapkan sesi latihannya. Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan tidak hadir (bercuti) ketika sesi latihan, tiada manfaat akan dibayar. Orang Yang Diinsuranskan sebagai seorang penyedia di bawah suatu kontrak bagi/untuk perkhidmatan dengan pihak berkuasa Khidmat Negara adalah tidak berhak menerima manfaat ini. Manfaat keseluruhan yang boleh dibayar adalah seperti yang telah ditetapkan di dalam Jadual Manfaat. Manfaat ini hanya boleh diberi untuk pakej Active Girl.

Sekiranya berlaku kematian/ Hilang Upaya Kekal, lebih daripada/atau manfaat keseluruhan (baki sedia ada daripada manfaat keseluruhan jika Orang Yang Diinsuranskan telah membuat tuntutan sebelum ini) akan dibayar sebagai tambahan kepada Jumlah Yang Diinsuranskan seperti yang telah diperincikan di dalam Jadual Manfaat.

SUKAN/PENGEMBARAAN

Pembayaran balik caj-caj harian Munasabah dan Lazim yang dikenakan oleh pengamal perubatan atau klinik atau hospital berdaftar bagi rawatan kecederaan kemalangan yang berlaku ketika Orang Yang Diinsuranskan sedang melibatkan diri dalam sukan atau aktiviti sebagai seorang amatir dan tertakluk kepada keadaan penglibatan 'selamat dan normal'. Apa-apa kecederaan kemalangan yang diakibatkan oleh sukan/aktiviti ketika menyertai Khidmat Negara tidak akan dilindungi di bawah manfaat ini. Manfaat keseluruhan yang boleh dibayar adalah seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat. Manfaat ini hanya disediakan untuk pakej Active Girl.

Sekiranya berlaku kematian/ Hilang Upaya Kekal, lebih daripada/atau manfaat keseluruhan ini (yakn baki sedia ada daripada manfaat keseluruhan sekiranya Orang Yang Diinsuranskan telah membuat tuntutan sebelum ini) hanya akan dibayar sebagai tambahan kepada Jumlah Yang Diinsuranskan seperti yang telah diperincikan di dalam Jadual Manfaat.

PENJAGAAN ANAK

Pembayaran balik perbelanjaan sebenar bagi perkhidmatan penjagaan anak/ penjagaan bayi yang disediakan bagi anak-anak Orang Yang Diinsuranskan oleh sebuah Pusat Penjagaan Harian Kanak-kanak berlesen yang sah, yang dikenakan ke atas Orang Yang Diinsuranskan akibat daripada suatu kemalangan yang mengakibatkan hilang upaya menyeluruh/separa yang kekal dan/atau sementara dan tertakluk kepada had manfaat keseluruhan seperti yang telah diperincikan di dalam Jadual Manfaat. Manfaat ini masih boleh dibayar sekiranya anak-anak Orang Yang Diinsuranskan telah didaftarkan di sebuah Pusat Penjagaan Harian Kanak-kanak lebih awal daripada mana-mana kemalangan tetapi tidak termasuk perbelanjaan bagi anak yang berusia lebih daripada 16 tahun. Manfaat ini hanyalah boleh diberi untuk pakej Homemaker. Bil dan resit asal adalah dokumen-dokumen yang perlu diserahkan kepada Syarikat bagi memproses tuntutan.

Sekiranya berlaku kematian/ Hilang Upaya Kekal, lebih daripada/atau manfaat keseluruhan (yakni baki lebih daripada manfaat keseluruhan jika Orang Yang Diinsuranskan telah membuat tuntutan sebelum ini) akan dibayar sebagai tambahan kepada Jumlah Yang Diinsuranskan seperti yang telah diperincikan di dalam Jadual Manfaat.

KHIDMAT PEMBANTU RUMAH

Pembayaran balik perbelanjaan sebenar bagi khidmat-khidmat pembantu rumah yang disediakan oleh suatu Agensi Penyedia Khidmat Pembantu Rumah berlesen yang sah, yang dikenakan kepada Orang Yang Diinsuranskan akibat daripada suatu kemalangan yang mengakibatkan hilang upaya menyeluruh/separa yang kekal dan/atau sementara dan tertakluk kepada had manfaat keseluruhan seperti yang telah diperincikan di dalam Jadual Manfaat. Manfaat ini termasuklah perbelanjaan bagi khidmat penuh masa seseorang pembantu rumah yang diambil bekerja bagi perkhidmatan yang disediakan kepada Orang Yang Diinsuranskan yang perlu secara perubatan dan yang telah ditentukan oleh Pengamal Perubatan atau Pakar Bedah yang berkhidmat bagi rawatan berterusan di kediaman Orang Yang Diinsuranskan mengikut keadaan perubatan tertentu yang mana Orang Yang Diinsuranskan telah dimasukkan ke hospital akibat daripada suatu kemalangan. Manfaat ini masih boleh dibayar jika Orang Yang Diinsuranskan telahpun melibatkan diri dengan sebuah penyedia khidmat pembantu rumah sebelum berlakunya mana-mana kemalangan. Manfaat ini hanya diberi untuk pakej-pakej Homemaker dan Career Woman. Bil, resit, kontrak pekerjaan dan permit kerja pembantu rumah yang asal adalah dokumen-dokumen yang perlu diserahkan kepada Syarikat bagi memproses tuntutan.

Sekiranya berlaku kematian/ Hilang Upaya Kekal, lebih daripada/atau manfaat keseluruhan (yakni baki lebih daripada manfaat keseluruhan jika Orang Yang Diinsuranskan telah membuat tuntutan sebelum ini) akan dibayar sebagai tambahan kepada Jumlah Yang Diinsuranskan seperti yang telah diperincikan di dalam Jadual Manfaat.

CUTI PEMULIHAN

Elaun tunai harian sebanyak RM 100 sehingga had manfaat keseluruhan seperti yang ditentukan di dalam Jadual Manfaat bagi pemulihan daripada suatu kemalangan akibat daripada hilang upaya menyeluruh/separa yang kekal dan/atau sementara. Manfaat ini hanyalah boleh diberi untuk pakej Career Woman. Manfaat ini hanya boleh dibayar jika Orang Yang Diinsuranskan telah menghabiskan hari-hari kelayakan pekerjaan bagi manfaat cuti berbayar, manfaat cuti perubatan dan manfaat dimasukkan ke hospital bagi mana-mana pekerjaan yang telah disertai oleh Orang Yang Diinsuranskan sebelum kemalangan tersebut berlaku. Pensijilan bertulis daripada seorang Doktor Perubatan yang menyatakan keperluan Orang Yang Diinsuranskan untuk berehat di rumah bagi memulihkan diri daripada suatu kecederaan kemalangan dan hari-hari rehat berserta dengan dokumen yang membuktikan pendapatan bekerja sendiri (contohnya borang Cukai Pendapatan, penyata komisen, lesen perniagaan) merupakan dokumen-dokumen yang diperlukan untuk diserahkan kepada Syarikat bagi memproses tuntutan. Pihak Syarikat berhak dan diberi peluang untuk memeriksa Orang Yang Diinsuranskan oleh suatu panel doktor bagi mengesahkan keperluan perubatan Orang Yang Diinsuranskan pada perbelanjaan Syarikat sendiri jika tidak dilarang oleh undang-undang.

Jika Orang Yang Diinsuranskan bekerja sendiri, maka kiraan hari bermula selepas 60 hari berdasarkan cuti perubatan yang diberi oleh doktor berkenaan dan RM 100 sehari boleh dibayar sehingga had manfaat keseluruhan seperti yang telah ditetapkan di dalam Jadual Manfaat bagi memulihkan diri daripada suatu kemalangan yang mengakibatkan hilang upaya menyeluruh/separa yang kekal dan/atau sementara. Pensijilan bertulis daripada seorang Doktor Perubatan yang menyatakan keperluan Orang Yang Diinsuranskan untuk berehat di rumah bagi memulihkan diri daripada suatu kecederaan kemalangan dan hari-hari rehat berserta dengan dokumen yang membuktikan pendapatan bekerja sendiri (contohnya borang Cukai Pendapatan, penyata komisen, lesen perniagaan) merupakan dokumen-dokumen yang diperlukan untuk diserahkan kepada Syarikat bagi memproses tuntutan. Pihak Syarikat berhak dan diberi peluang untuk memeriksa Orang Yang Diinsuranskan oleh suatu panel doktor bagi mengesahkan keperluan perubatan Orang Yang Diinsuranskan pada perbelanjaan Syarikat sendiri jika tidak dilarang oleh undang-undang.

Sekiranya berlaku kematian/ Hilang Upaya Kekal, lebih daripada/atau manfaat keseluruhan (yakni baki lebih daripada manfaat keseluruhan jika Orang Yang Diinsuranskan telah membuat tuntutan sebelum ini) akan dibayar sebagai tambahan kepada Jumlah Yang Diinsuranskan seperti yang telah diperincikan di dalam Jadual Manfaat.

PERALATAN PERUBATAN

Pembayaran balik perbelanjaan sebenar yang dikenakan kepada Orang Yang Diinsuranskan akibat daripada suatu kemalangan yang mengakibatkan hilang upaya menyeluruh/separa yang kekal dan/atau sementara untuk pembelian/penyewaan peralatan perubatan dan/atau pernafasan tertakluk kepada had manfaat keseluruhan seperti yang telah diperincikan di dalam Jadual Manfaat. Manfaat ini hanya diberi untuk pakej Golden Girl. Pensijilan bertulis daripada seorang Doktor Perubatan yang menyatakan keperluan peralatan perubatan bagi membantu aktiviti-aktiviti kehidupan harian Orang Yang Diinsuranskan berserta dengan bil-bil & resit asal merupakan dokumen-dokumen yang diperlukan untuk diserahkan kepada Syarikat bagi memproses tuntutan. Manfaat ini hanya boleh dibayar kepada Orang Yang Diinsuranskan yang menderita akibat hilang upaya/kehilangan upaya yang memerlukan menggunakan peralatan perubatan seperti yang telah diperakui oleh seorang Doktor Perubatan.

Peralatan pernafasan termasuklah ventilator tekanan salur udara bi-positif/tekanan salur udara positif berterusan, alat sedut, penebula, silinder oksigen dan penepu oksigen. Peralatan perubatan termasuklah anggota palsu, alatan bantuan keselamatan bilik air, dulang/tempat kencing katil, pemantau tekanan darah, meter kolesterol, komod, mesin dialisis, pemegang titis, glukometer, katil hospital, pengetap/splin ortopedik, meja sorong katil, alat pengangkat pesakit, oksimeter denyutan, tilam riak, stetoskop, mesin sedut, alang trapez, alat bantu berjalan, tirai wad dan kerusi roda.

Jika berlaku kematian/ Hilang Upaya Kekal, lebih daripada /atau manfaat keseluruhan (yakni baki lebih daripada manfaat keseluruhan jika Orang Yang Diinsuranskan telah membuat tuntutan sebelum ini) akan dibayar sebagai tambahan kepada Jumlah Yang Diinsuranskan seperti yang telah diperincikan di dalam Jadual Manfaat.

PENJAGAAN KEJURURAWATAN

Pembayaran balik caj-caj harian Munasabah dan Lazim bagi perkhidmatan sepenuh masa oleh seorang Jururawat berdaftar bagi perkhidmatan yang disediakan kepada Orang Yang Diinsuranskan yang perlu dari segi perubatan dan yang telah ditentukan oleh Pengamal Perubatan atau Pakar Bedah bagi rawatan berterusan di rumah Orang Yang Diinsuranskan/ Rumah Rawatan bagi keadaan perubatan yang tertentu yang mana Orang Yang Diinsuranskan telah dimasukkan ke hospital akibat kemalangan. Perkhidmatan bagi aktiviti-aktiviti kehidupan harian yang tidak perlu dari segi perubatan tidak akan dibayar. Manfaat hanya akan dibayar sehingga had manfaat keseluruhan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat. Manfaat ini hanya boleh diberi untuk pakej Golden Girl. Orang Yang Diinsuranskan, walau bagaimanapun, adalah diperlukan untuk menyediakan bukti, pada kos dan perbelanjaannya sendiri, bagi penerusan keperluan sedemikian sekiranya diperlukan oleh Syarikat.

Sekiranya berlaku kematian/ Hilang Upaya Kekal, lebih daripada/atau manfaat keseluruhan (yakni baki lebih daripada manfaat keseluruhan jika Orang Yang Diinsuranskan telah membuat tuntutan sebelum ini) akan dibayar sebagai tambahan kepada Jumlah Yang Diinsuranskan seperti yang telah diperincikan di dalam Jadual Manfaat.

PERUNTUKAN KHAS

Pembayaran balik Premium Tiada Tuntutan

Pemegang polisi layak menerima Pembayaran Balik Tiada Tuntutan sebanyak 20% dari jumlah premium yang telah dibayar sepanjang tempoh tiga (3) tahun dengan syarat:

- a. Polisi telah diperbaharui selama tiga (3) tahun secara berterusan
- b. Tiada tuntutan dibuat selama tempoh tiga (3) tahun

Kelayakan ini akan berkuatkuasa dari

- a. Tarikh permulaan tempoh Polisi bagi Polisi Baru
- b. Tarikh permulaan tempoh Polisi bagi Polisi seterusnya selepas Pemegang Polisi layak untuk menerima Pembayaran balik Premium Tiada Tuntutan
- c. hari pertama bulan tersebut sebaik sahaja selepas tarikh tuntutan dibuat

PREMIUM

Berikut adalah kadar premium individu yang dikenakan untuk Orang Yang Diinsuranskan antara umur 16-70 tahun:-

Pelan	Silver	Gold
Premium tahunan	420	540
Premium bulanan-EPP	35	45
Premium bulanan	38	48

JADUAL MANFAAT

% daripada Jumlah Besar Diinsuranskan

Manfaat I	KEMATIAN KEMALANGAN (berlaku dalam tempoh dua belas bulan kalendar dari kemalangan)	100%
Manfaat II	HILANG UPAYA KEKAL (berlaku dalam masa dua belas bulan kalendar dari kemalangan)	
	Kehilangan kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki	100%
	Kehilangan kedua-dua tangan atau semua jari dan kedua-dua ibu jari	100%
	Kehilangan semua penglihatan pada kedua-dua mata	100%
	Kecederaan yang menyebabkan kekal terlantar di katil	100%
	Apa-apa kecederaan lain yang menyebabkan Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh	100%
	Kehilangan tangan dari bahu	100%
	Kehilangan tangan di antara bahu dan siku	100%
	Kehilangan tangan dari siku	100%
	Kehilangan tangan di antara siku dan pergelangan tangan	100%
	Kehilangan tangan dan pergelangan tangan	100%
	Kehilangan kaki	
	- pada pinggul	100%
	- di antara lutut dan pinggul	100%
	- di bawah lutut	100%
	Kehilangan mata	
	- keseluruhan mata	100%
	- penglihatan pada satu mata, kecuali daya tanggapan cahaya	50%
	- kanta sebelah mata	50%
	Kehilangan empat jari	40%
	Kehilangan ibu jari	
	- kedua-dua ruas	30%
	- satu ruas	15%
	Kehilangan jari telunjuk	
	- tiga ruas	15%
	- dua ruas	10%
	- satu ruas	5%
	Kehilangan jari tengah	
	- tiga ruas	8%
	- dua ruas	5%
	- satu ruas	3%
	Kehilangan jari manis	
	- tiga ruas	6%
	- dua ruas	5%
	- satu ruas	3%
	Kehilangan jari kelingking	
	- tiga ruas	5%
	- dua ruas	4%
	- satu ruas	3%
	Kehilangan tulang metakarpus	
	- pertama atau kedua (tambahan)	4%
	- ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	3%
	Kehilangan semua jari kaki	
	- semua	20%
	- ibu jari kaki, kedua-dua ruas	8%
	- Ibu jari kaki, satu ruas	3%
	- Selain daripada ibu jari kaki, sekiranya kehilangan lebih daripada satu jari kaki untuk setiap kaki	2%
	Kehilangan pertuturan & pendengaran pada kedua-dua telinga secara kekal	100%
	Kehilangan pendengaran	
	- kedua-dua telinga	75%
	- satu telinga	25%
	Kehilangan pertuturan	50%
	Pemendekan lengan	
	- lebih daripada 1" sehingga 2"	2.5%
	- lebih daripada 2" sehingga 4"	5%
	- lebih daripada 4"	12.5%
	Pemendekan kaki	
	- lebih daripada 1" sehingga 2"	5%
	- lebih daripada 2" sehingga 4"	10%
	- lebih daripada 4"	25%

RINGKASAN JADUAL MANFAAT

	Active Girl		Homemaker		Career Woman		Golden Girl	
	Silver	Gold	Silver	Gold	Silver	Gold	Silver	Gold
Seksyen 1								
Kematian Akibat Kemalangan	RM 100,000	RM 125,000	RM 100,000	RM 125,000	RM 100,000	RM 125,000	RM 100,000	RM 125,000
Hilang Upaya Kekal	RM 100,000	RM 125,000	RM 100,000	RM 125,000	RM 100,000	RM 125,000	RM 100,000	RM 125,000
Had Manfaat bagi setiap kejadian								
Seksyen 2								
Pembedahan Muka dan Pergigian	RM 5,000	RM 10,000	RM 5,000	RM 10,000	RM 5,000	RM 10,000	RM 5,000	RM 10,000
Jenayah Ragut/Pengeluaran Wang ATM	RM 750	RM 1500	RM 750	RM 1,500	RM 750	RM 1,500	RM 750	RM 1,500
Manfaat Hospital :-	RM 100	RM 200	RM 100	RM 200	RM 100	RM 200	RM 100	RM 200
Pendapatan Hospital	RM 1,000	RM 2,000	RM 1,000	RM 2,000	RM 1,000	RM 2,000	RM 1,000	RM 2,000
Elaun Pemulihan	RM 800	RM 800	RM 800	RM 800	RM 800	RM 800	RM 800	RM 800
Perbelanjaan Pengebumian	RM 3,000	RM 3000	RM 3,000	RM 3,000	RM 3,000	RM 3,000	RM 3,000	RM 3,000
Seksyen 3								
Khidmat Negara	RM 5,000	RM 8,000	-	-	-	-	-	-
Sukan/Pengembaraan	RM 5,000	RM 8,000	-	-	-	-	-	-
Penjagaan Anak	-	-	RM 5,000	RM 8,000	-	-	-	-
Khidmat Pembantu Rumah	-	-	RM 5,000	RM 8,000	-	-	-	-
Cuti Pemulihan	-	-	-	-	RM 5,000	RM 8,000	-	-
Khidmat Pembantu Rumah	-	-	-	-	RM 5,000	RM 8,000	-	-
Peralatan Perubatan	-	-	-	-	-	-	RM 5,000	RM 8,000
Penjagaan Kejururawatan	-	-	-	-	-	-	RM 5,000	RM 8,000
Manfaat Hidup (Seksyen 2+3)	RM 50,000	RM 100,000	RM 50,000	RM 100,000	RM 50,000	RM 100,000	RM 50,000	RM 100,000

Nota:-

- 1) Tahap pemendekan anggota mesti disahkan oleh suatu laporan perubatan pakar.
- 2) Jika kecederaan tidak ditentukan, Syarikat mempunyai hak untuk mengambil dan mengamalkan Peratusan hilang upaya yang, pada pendapatnya, bukan tak konsisten dengan peruntukan Skala di atas.
- 3) Kehilangan kegunaan anggota secara kekal dan menyeluruh hendaklah dianggap sebagai kehilangan anggota. Kehilangan Pertuturan hendaklah bermaksud ketakupayaan secara menyeluruh dan kekal untuk berkomunikasi dengan kata-kata.
- 4) Manfaat yang boleh dibayar jika berlakunya kematian atau hilang upaya menyeluruh kekal akibat suatu kemalangan adalah Jumlah Yang Diinsuranskan yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Jadual Manfaat menerangkan secara ringkas peratusan Jumlah Besar Yang Diinsuranskan yang boleh dibayar untuk Seksyen 1. Jumlah bagi keseluruhan peratusan yang boleh dibayar untuk manfaat di bawah Seksyen 1 berkenaan dengan mana-mana satu kemalangan tidak boleh melebihi 100%. Jika sejumlah 100% telah dibayar semasa tempoh polisi ini, semua insurans menurut dokumen ini hendaklah berhenti berkuatkuasa dengan serta-merta. Semua kerugian lain yang kurang daripada 100% jika telah dibayar hendaklah mengurangkan perlindungan dengan amaun tersebut dari tarikh kemalangan sehingga tamatnya Polisi ini.
- 5) Jika berlakunya kematian akibat kemalangan, had Seksyen 3 akan dibayar sepenuhnya secara automatik kepada waris kadim atau penama ternama bagi Orang Yang Diinsuranskan, sebagai tambahan kepada tuntutan kematian akibat kemalangan di bawah Seksyen 1 dengan syarat bahawa manfaat Seksyen 3 tidak dituntut sebelum ini dalam tahun yang sama. Jika terdapat suatu tuntutan dalam tahun yang sama, manfaat yang boleh dibayar di bawah Seksyen 3 akan berkurang secara bersekadar mengikut baki had dalam subseksyen.
- 6) Manfaat Hidup bagi setiap pelan termasuk manfaat yang boleh dibayar di bawah Seksyen 2 dan Seksyen 3. Ia boleh dibayar berkenaan dengan perbelanjaan yang ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan akibat suatu kemalangan semasa tempoh insurans dan hendaklah dihadkan kepada Had Manfaat Hidup. Jika Had Manfaat Hidup telah dibayar, semua insurans untuk Orang Yang Diinsuranskan di bawah Manfaat Hidup dengan serta-mertanya tidak lagi boleh dibayar untuk baki tahun polisi tersebut.
- 7) Had Tahunan Keseluruhan hendaklah bermaksud amaun maksimum yang boleh dibayar akibat suatu kemalangan terhadap Orang Yang Diinsuranskan. Ia menjumlahkan had manfaat di bawah Seksyen 1(Kematian/Hilang Upaya Menyeluruh Kekal) dan Manfaat Hidup.

PENGECUALIAN-PENGECUALIAN AM

- 1) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, pertempuran (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, penentangan, revolusi, pemberontakan, dahagi atau rampasan kuasa, pemberontakan ketenteraan atau pemberontakan orang ramai;
- 2) Hilang akal, bunuh diri (sama ada waras atau tidak waras) atau apa-apa percubaan ancaman, kecederaan diri sendiri yang disengajakan;
- 3) Apa-apa bentuk penyakit, serangan penyakit atau parasit termasuk malaria, demam denggi, Japanese Encephalitis dan Sindrom Kekurangan Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Komplikasi Berkaitan AIDS (ARC);
- 4) Bersalin, keguguran, kehamilan atau apa-apa komplikasinya;
- 5) Pembunuhan yang terdorong atau serangan;
- 6) Ketika melakukan perjalanan di dalam sebuah pesawat atau kapal sebagai ahli krew, melainkan hanya sebagai seorang penumpang berbayar di dalam sebuah pesawat atau kapal berlesen bagi perkhidmatan penumpang;
- 7) Ketika melakukan atau cuba melakukan apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang;
- 8) Ketika menyertai apa-apa sukan profesional;
- 9) Orang Yang Diinsuranskan terbabit atau menyertai aktiviti atau sukan yang merbahaya seperti sukan musim sejuk, sebarang aktiviti meluncur, pendakian gunung (yang melibatkan penggunaan tali atau panduan mekanikal), penerokaan gua, menyelam, penerjunan payung terjun, aktiviti-aktiviti bawah air yang memerlukan penggunaan alat bantuan pernafasan, perlumbaan kuda berhalangan, pemburuan;
- 10) Perlumbaan (selain daripada dengan menggunakan kaki), ujian kelajuan atau ketahanan jejak;
- 11) Menunggang / memandu tanpa lesen memandu yang sah;
- 12) Ketika melibatkan diri di dalam pergaduhan/mogok/rusuhan/kekacauan awam atau demonstrasi
- 13)
 - a) Asbestos, atau
 - b) Apa-apa tuduhan atau kecederaan berkaitan asbestos atau kerosakan yang melibatkan penggunaan, kehadiran, kewujudan, pengesanan, perpindahan, penghapusan atau penghindaran asbestos atau letupan atau potensi letupan terhadap asbestos.
- 14)
 - a) Radiasi pengionan daripada atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada mana-mana sisa bahan nuklear atau daripada pembakaran bahan api nuklear;
 - b) Bahan radioaktif, toksik, letupan atau bahan-bahan berbahaya atau pencemar lain daripada mana-mana pemasangan nuklear, reaktor atau pemasangan nuklear yang lain atau komponen nuklear daripadanya;
 - c) Apa-apa senjata peperangan yang menggunakan keatomian atau pembelahan nuklear dan/atau cantuman atau tindakbalas serupa yang lain atau kuasa radioaktif atau jirim.
- 15) Apa-apa tindakan keganasan, Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tatapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau kejajaman dan/atau ugutan daripada itu, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, melakukannya untuk tujuan politik, keagamaan, ideologi, atau tujuan yang serupa termasuklah dengan tujuan untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau meletakkan orang awam, atau mana-mana bahagian awam dalam ketakutan.
- 16) Apa-apa kecacatan/kelemahan fizikal sedia ada/apa-apa keuzuran, penyakit atau apa-apa penyakit sekalipun

PENGECUALIAN PEKERJAAN

Bagi Pihak Yang Diinsuranskan yang bekerja sebagai atau melakukan mana-mana jenis Pekerjaan yang disenaraikan di bawah (sama ada secara sementara atau tetap), tiada manfaat akan dibayar di bawah polisi ini untuk Kecederaan Tubuh semasa melakukan pekerjaan sedemikian:-

Pelumba, ahli sukan profesional, kelasi, pembalok, pekerja pesisir pantai, ahli pesawat udara, nelayan, joki kuda, penghibur profesional, pembuat/pengendali bahan letupan, pekerja dalam kapal, juruterbang dan pemandu ujian, pemungggah kargo, penyelam profesional, ahli bomba, pekerja bawah tanah/pelombong, ahli angkatan bersenjata, perkhidmatan dan operasi tentera laut atau tentera udara, anggota polis dan perkhidmatan penyelamatan.

SYARAT-SYARAT AM

1. **PINDAAN**

Syarikat mempunyai hak untuk meminda terma dan syarat polisi ini dan pindaan sedemikian pada Polisi ini adalah sah jika diberikuasa oleh Syarikat dan diendorskan pada dokumen ini. Syarikat hendaklah memberi notis bertulis kepada Pemegang Polisi mengikut alamat terakhir yang direkod untuk apa-apa pindaan yang dibuat.

2. **UNDANG-UNDANG YANG BOLEH DIKENAKAN**

Polisi ini dan semua hak, obligasi dan liabiliti yang timbul menurut dokumen ini, hendaklah ditafsirkan dan ditentukan dan boleh dikuatkuasakan menurut undang-undang Malaysia dan Mahkamah Malaysia hendaklah mempunyai bidang kuasa eksklusif dalam dokumen ini.

Tiada tindakan undang-undang atau dalam ekuiti boleh dibawa untuk menuntut terhadap Polisi ini sebelum tamatnya enam puluh hari selepas bukti kerugian bertulis telah diberikan menurut keperluan Polisi ini.

3. **TIMBANGTARA**

Semua perselisihan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada seorang Penimbangtara yang hendaklah dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang berselisih. Jika mereka tidak dapat bersetuju tentang siapa yang akan menjadi Penimbangtara dalam masa satu (1) bulan setelah diperlukan secara bertulis untuk berbuat sedemikian maka kedua-dua pihak hendaklah berhak untuk melantik seorang Penimbangtara yang masing-masing hendaklah meneruskan pendengaran perselisihan bersama seorang Wasit yang akan dilantik oleh kedua-dua Penimbangtara. Namun, ini adalah dengan syarat bahawa mana-mana penolakan liabiliti oleh Syarikat untuk mana-mana tuntutan menurut dokumen ini mestilah dirujuk kepada seorang Penimbangtara dalam masa dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh penolakan sedemikian.

4. **PENUKARAN ALAMAT ATAU BUTIRAN**

Orang Yang Diinsuranskan hendaklah memberitahu Syarikat secara bertulis dengan segera tentang apa-apa perubahan namanya, alamat, perniagaan atau pekerjaan. Orang Yang Diinsuranskan mestilah memberi notis bertulis mengenai apa-apa kecederaan, penyakit, kecacatan fizikal atau keuzuran yang telah mempengaruhinya atau diketahuinya sebelum Orang Yang Diinsuranskan memperbaharui polisi ini.

5. **PENUKARAN SKIM TERPILIH**

Orang Yang Diinsuranskan dibenarkan untuk menukar kepada plan yang berbeza bagi Manfaat Hidup semasa pembaharuan/ulangtahun. Tiada penukaran dibenarkan semasa tempoh polisi.

6. **TUNTUTAN**

- (a) Notis kecederaan di mana tuntutan dibuat dan dilindungi oleh Polisi ini, mestilah diberi secara bertulis kepada Syarikat dalam masa 14 hari selepas kejadian. Syarikat, sebaik menerima notis sedemikian akan memberikan borang tuntutan kepada Orang Yang Diinsuranskan supaya bukti tuntutan difailkan.
- (b) Sekiranya berlaku kematian, notis yang munasabah hendaklah diberikan kepada Syarikat sebelum pengebumian atau pembakaran mayat dan Syarikat mungkin akan membuat permohonan untuk hadir pada bedah siasat atau pemeriksaan mayat Orang Yang Diinsuranskan. Syarikat mempunyai hak dan peluang untuk menjalankan autopsi dengan perbelanjaan sendiri jika ianya tidak dilarang oleh undang-undang. Notis yang segera tentang masa dan tempat mana-mana siasatan kematian yang telah ditentukan akan diberikan kepada Syarikat.

Kesemua sijil, informasi dan bukti yang diperlukan oleh Syarikat hendaklah diberikan oleh Orang Yang Diinsuranskan atau wakil peribadi Orang Yang Diinsuranskan yang sah dan hendaklah dalam bentuk dan jenis yang ditentukan oleh Syarikat.

7. **SYARAT SEBELUM TANGGUNGAN DITERIMA**

Mematuhi dan memenuhi terma dan syarat Polisi ini dengan wajar setakat ianya berkaitan dengan perkara yang perlu atau tidak patut dilakukan oleh Orang Yang Diinsuranskan atau wakil peribadinya yang sah akan menjadi syarat terdahulu kepada apa-apa liabiliti Syarikat untuk membayar apa-apa bayaran di bawah Polisi ini.

8. **TEMPOH TENANG**

Jika Polisi ini telah dikeluarkan dan Orang Yang Diinsuranskan mengambil keputusan untuk menolak Polisi tersebut atas apa-apa jenis sebab, maka Orang Yang Diinsuranskan boleh mengembalikan Polisi ini kepada Syarikat untuk dibatalkan dengan syarat bahawa permintaan pembatalan sedemikian dihantar oleh Orang Yang Diinsuranskan kepada Syarikat dalam masa lima belas (15) hari dari tarikh Polisi dihantar. Orang Yang Diinsuranskan berhak menerima pulangan premium.

9. **HAD UMUR PENDAFTARAN**

Umur pendaftaran Orang Yang Diinsuranskan untuk Polisi ini hendaklah di antara umur enambelas (16) tahun and tidak melebihi enamputuh lima (65) tahun

10. **PERNYATAAN SILAP ATAU PENINGGALAN FAKTA MATERIAL**

Syarikat tidak bertanggungjawab untuk apa-apa pernyataan silap dalam atau jika suatu fakta material telah tertinggal daripada Borang Cadangan. Menurut Seksyen 149(4) Akta Insurans 1996, anda dikehendaki memberitahu kepada Syarikat, dengan sepenuhnya dan sejujurnya semua fakta yang anda tahu atau sepatutnya tahu, jika tidak polisi yang dikeluarkan menurut dokumen ini mungkin terbatal.

11. **MATAWANG DAN KADAR PERTUKARAN**

Semua premium hendaklah dibuat di dalam Ringgit Malaysia. Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke dalam hospital dan/atau menerima rawatan perubatan di luar Malaysia dan bil yang dikemukakan adalah di dalam matawang lain selain daripada Ringgit Malaysia, Syarikat akan membayar ganti rugi kepada Orang Yang Diinsuranskan atau wakil peribadi Orang Yang Diinsuranskan yang sah di dalam Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran harga (kadar pasaran terbuka sekiranya pasaran bebas, kadar rasmi sekiranya bukan pasaran bebas) pada tarikh Orang Yang Diinsuranskan keluar dari hospital.

12. **KAWASAN GEOGRAFI**

Semua manfaat yang diberikan dalam Polisi ini adalah diterimapakai di seluruh dunia selama dua puluh empat (24) jam sehari

13. **PENAMA**

Pelantikan dan pembatalan penama hendaklah dikawal oleh Akta Insurans 1996 dan apa-apa pindaan padanya. Suatu penamaan oleh Orang Yang Diinsuranskan di bawah suatu Polisi yang melindungi nyawa dirinya, selain daripada Orang Yang Diinsuranskan yang beragama Islam, hendaklah membentuk suatu AMANAH atas nama penama bagi wang polisi yang akan dibayar apabila berlaku kematian pada Orang Yang Diinsuranskan, jika penama adalah pasangan dan/atau anaknya atau jika tiada pasangan atau anak yang hidup pada masa penamaan, maka penama ialah ibu bapanya. (Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Seksyen 166 Akta Insurans 1996).

Semasa Polisi ini berkuatkuasa dan tertakluk kepada peruntukan Akta Insurans 1996 dan apa-apa pindaan padanya, Orang Yang Diinsuranskan boleh, dengan memfailkan notis bertulis yang memuaskan kepada Syarikat, menukar Penama bagi Polisi ini. Pertukaran Penama hanya akan menjadi efektif jika direkod oleh Syarikat.

14. **PEMBAHARUAN POLISI**

Syarikat tidak wajib untuk memberi notis pembaharuan kepada Orang Yang Diinsuranskan. Premium untuk pembaharuan Polisi ini adalah dianggap perlu dibayar pada tarikh Polisi ini tamat. Pembaharuan hanya akan menjadi sah apabila Syarikat menerima bayaran premium daripada Orang Yang Diinsuranskan atau ejen yang diberikuasa. Dalam apa-apa hal pun, Polisi ini tidak boleh diperbaharui apabila Orang Yang Diinsuranskan mencapai umur tujuh puluh (70) tahun. Apa-apa pembaharuan polisi berikutnya selepas umur 70 tahun adalah mengikut kes dan budi bicara Syarikat.

15. **PREMIUM**

a) **Bayaran Tahunan**

Bayaran tahunan akan dicajkan kepada Orang Yang Diinsuranskan.

b) **Bayaran Bulanan**

Bagi bayaran bulanan, bayaran premium mestilah dicajkan melalui auto-debit dan premium pendahuluan bagi 2 bulan akan dikenakan.

Bagi premium yang dibayar melalui Auto-debit, kami tidak akan menghantar notis kepada Orang Yang Diinsuranskan / Pemegang Polisi apabila premium perlu dibayar. Resit rasmi tidak akan dikeluarkan kerana potongan premium yang tertera pada pernyataan bank anda akan dianggap sebagai bukti pembayaran.

Pelan Bayaran Mudah hanya sah bagi pemegang Kad Kredit AmBank sahaja.

16. **KEDIAMAN DI LUAR NEGERI**

Tiada apa-apa jenis manfaat yang akan dibayar untuk apa-apa rawatan perubatan yang diterima oleh Orang Yang Diinsuranskan di luar Malaysia, sekiranya Orang Yang Diinsuranskan tinggal atau melancong di luar Malaysia selama lebih daripada sembilan puluh (90) hari berturut-turut.

17. **PENAMATAN INSURANS**

In adalah polisi tahunan dan akan tamat pada mana-mana yang pertama terjadi

(a) Penamatan Oleh Orang Yang Diinsuranskan

• **Pembayaran Bulanan**

Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan memberi notis kepada Kami untuk menamatkan Polisi ini atau menamatkan Insuran kepada pihak yang Diinsuranskan, penamatan sedemikian akan menjadi efektif pada hari pertama bulan berikutnya.

• **Pembayaran Tahunan**

Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan memberi notis kepada Kami untuk menamatkan Polisi ini, penamatan Polisi ini berkesan pada tarikh notis ini diterima atau pada tarikh yang ternyata pada notis, yang mana akhir. Jikalau premium telah di bayar, Pihak Syarikat akan mengembalikkan premium jangka pendek pada tempoh insuran yang belum tamat dengan syarat tiada tuntutan insuran pada masa tempoh insuran. Pembatalan dan/atau penamatan akan memberikan Polisi ini dan kontrak insuran antara Pihak Syarikat and Orang Yang Diinsuranskan batal.

Jadual Jangka Pendek

Tempoh tidak melebihi:	Bayar Balik Premium Tahunan
15 hari	90% (sah untuk pembaharuan polisi sahaja)
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada Bayar Balik

(b) Penamatan oleh Syarikat

Kami boleh memberi notis penamatan dengan surat berdaftar kepada Orang Yang Diinsuranskan di alamat terakhirnya yang diketahui. Penamatan sedemikian hendaklah menjadi efektif dalam tujuh hari selepas tarikh notis sedemikian. Jika premium telah dibayar untuk mana-mana tempoh selepas tarikh penamatan Polisi ini, premium pro-rata akan dipulangkan kepada Orang Yang Diinsuranskan dengan syarat bahawa tiada tuntutan dibuat dalam Tempoh Insurans semasa.

(c) Penamatan Automatik

- **Polisi Tamat Tempoh**
Polisi ini akan luput/tamat pada 12.00 tengah malam (Waktu Malaysia) pada hari terakhir tempoh Insurans.
- **Tiada Bayaran Premium (bagi Bayaran Bulanan sahaja)**
Polisi ini akan ditamatkan pada 12.00 tengah malam (Waktu Malaysia) selepas tunggakkannya premium tidak dibayar.

NOTIS PENTING

FASAL TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN

Adalah menjadi syarat asas dan khas mutlak kontrak insurans ini bahawa premium yang patut dibayar mestilah dibayar dan diterima oleh Syarikat sebelum perlindungan bermula. Jika syarat ini tidak dipatuhi maka insurans ini akan terbatal secara automatik.

Ejen yang diberikuasa hendaklah menghantar premium dalam lima belas (15) hari bekerja selepas menerima premium sedemikian daripada Pemegang Polisi dan/atau Orang Yang Diinsuranskan. Syarikat mempunyai hak untuk menolak apa-apa perlindungan dan/atau menolak apa-apa tuntutan kerana premium tidak dibayar kepada Syarikat.

NOTIS : Bagi tujuan dan maksud sekiranya terdapat konflik atau keaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia tentang mana-mana bahagian Kontrak, adalah dipersetujui bahawa Kontrak versi bahasa Inggeris akan digunakan